

e-BULETIN MASJAN

MAJLIS SUKAN JABATAN AUDIT NEGARA

Bil. 2/2024



TABUNG KEBAJIKAN JAN



BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL



BERITA SUKAN DAN REKREASI

TINTA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Bertemu kembali dalam penerbitan e-Buletin MASJAN Bil. 2/2024. Tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua ahli Sidang Redaksi e-Buletin MASJAN yang tidak mengenal jemu dalam usaha memastikan buletin ini disiapkan. Buletin kali ini memuatkan aktiviti dan program bagi bulan Januari hingga April 2024.

Penerbitan dimulakan dengan paparan mengenai Tabung Kebajikan Jabatan Audit Negara (JAN) antara lain menerangkan tujuan penubuhan, kriteria waris yang boleh menerima manfaat dan sumber kewangan bagi menampung Tabung Kebajikan ini. Turut disertakan QR Code dan akaun bank bagi tujuan sumbangan kepada tabung ini.

Rencana mengenai penglibatan MASJAN dalam Program Pengukuhan Organisasi Jabatan JAN yang telah diadakan dengan jayanya pada 23 dan 24 Februari 2024 di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil mengisi ruangan seterusnya. Seperti penerbitan terdahulu, e-Buletin terus memaparkan Berita Kebajikan dan Sosial serta Sukan dan Rekreasi yang telah dilaksanakan oleh kelab gabungan di bawah naungan MASJAN untuk tatapan warga Jabatan JAN.

Di kesempatan ini, Sidang Redaksi e-Buletin MASJAN mewakili semua warga kelab gabungan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi selaku Yang DiPertua MASJAN serta semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif MASJAN Tahun 2024/2025 atas pelantikan. Terima kasih juga kepada semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif Tahun 2022/2023 atas jasa khidmat yang telah diberikan.

Akhir kata, diucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam membekalkan bahan dan maklumat bagi penerbitan buletin ini. Kesianambungan e-Buletin MASJAN adalah merupakan kejayaan kita bersama. Semoga perkongsian maklumat dapat memberi manfaat kepada semua.

Selamat membaca.



Dr. Yati Md. Lasa



SIDANG REDAKSI

JAWATAN	NAMA PEGAWAI
Ketua Pengarang	: Dr Yati binti Md. Lasa
Penolong Ketua Pengarang	: Ruhana binti Mohamad Zam
	: Hely Herlynnna binti Kassim
Koordinasi	: Shafinas binti Sazali
Berita Kebajikan dan Sosial	: Juliana binti Shariman
Berita Sukan dan Rekreasi	: Nornazahie binti Zulkifli
Grafik dan Suntingan	: Mohd Nazrin bin Nasron
Bahasa	: Ruhana binti Mohamad Zam
	: Shafinas binti Sazali

PENYELARAS KELAB GABUNGAN

BIL.	KELAB GABUNGAN	NAMA PENYELARAS
1.	Kelab Audit Wilayah Persekutuan (KAWIP)	Ainon Mardia binti Mohamed Yusof
2.	Kelab Rekreasi dan Kreatif Audit Selangor (KREATIF)	Nurul Hazwani binti Abdul Shukor
3.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Melaka (KSAM)	Faisal Aiman bin Kurnain
4.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Negeri Sembilan (KESANS)	Noorasikin binti Mahmood
5.	Kelab Sukan Audit Johor (KSAJ)	Uzaimi bin Abdul Hamid
6.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Pahang (KESKAP)	Mohd Shahir bin Che Razalil
7.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Terengganu (KESKAT)	Aisyah Salehah binti Abdul Aziz
8.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Kelantan (KESKA)	Mohd Nasrul bin Zakaria
9.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Kedah (KSAK)	Azrell Anuar bin Abu
10.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Perak (KESUKAP)	Encik Md Adnan bin Abdullah
11.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Perlis (KESAPs)	Abdullah Afif bin Zainol
12.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Pulau Pinang (KESKAP)	Nur Hidayah binti Zainal Abidin
13.	Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Sabah (KESKAS)	Halimuddin bin Chongge
14.	Kelab Rekreasi Audit Sarawak (KERAS)	Mohd Shahrul Azreen bin Kamarulzaman
15.	Kelab Sukan dan Kebajikan Akademi Audit Negara (KESKAAN)	Eddy Herman bin Zaidel

Tabung Kebajikan

JABATAN AUDIT NEGARA

Tujuan Penubuhan

Ditubuhkan untuk membantu menguruskan musibah; memberi sumbangan menguruskan jenazah; dan waris kepada pegawai/kakitangan JAN yang meninggal dunia



Mula
berkuat kuasa
Jun 2023



Kriteria Waris

- ❑ Usia – dari usia bayi hingga 18 tahun;
- ❑ Bilangan anak – tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tabung Kebajikan JAN

Sumber Kewangan

- Permulaan dana Tabung Kebajikan JAN adalah daripada MASJAN sebanyak RM5,000
- Sumbangan warga JAN dari semasa ke semasa
- Hasil aktiviti jualan
- Lain-lain kaedah yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan JAN dari semasa ke semasa



Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya. Surah al-Baqarah: 261



Allahyarham Encik Azuan Syah bin Haron

Penolong Juruaudit
Unit Audit Dalam
Kementerian
Kemajuan Desa dan
Wilayah



Sabtu
3 Februari 2024
22 Rejab 1445H



Allahyarhamah Puan Juwairiyah binti Syed Baquir

Mantan Timbalan
Pengarah Audit Negeri
Pulau Pinang



Selasa
6 Februari 2024
25 Rejab 1445H



Allahyarhamah Puan Nor Ashikin binti Saiful Anwar

Mantan Penolong
Juruaudit Gred W32
Jawatan Kumpulan,
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia



Ahad
3 Mac 2024
22 Syaaban 1445H



Allahyarhamah Puan Norita binti Othman

Ketua Pembantu
Tadbir Gred N22
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia



Ahad
24 Mac 2024
13 Ramadan 1445H




Musibah Kebakaran

Kebakaran di rumah Puan Sharina binti
Ishak, Penolong Pengarah Audit Bahagian
Audit Prestasi 1, pada 18 April 2024 (Khamis)
di Presint 11, Putrajaya


Ziarah dan Sumbangan

Kematian suami kepada Puan Norliza binti
Yusop, Setiausaha Pejabat kepada
Pengarah Audit Kewangan 1, Sektor Audit
Kewangan pada 11 April 2024 (Khamis)
bersamaan 3 Syawal 1445H.





**Akaun Bank Islam
Majlis Sukan
Jabatan Audit Negara
16018010005857**




RENCANA PROGRAM PENGUKUHAN ORGANISASI JAN

MAJLIS SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR

Pada 23 dan 24 Februari 2024, JAN telah menganjurkan Program Pengukuhan Organisasi yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga JAN dengan pengurusan tertinggi JAN. Objektif program ini sebagai platform kepada warga kerja JAN untuk mengenal pasti permasalahan dalam pelaksanaan kerja, memahami hala tuju terbaharu JAN, meningkatkan semangat kerja berpasukan dan kaedah menyelesaikan masalah yang dihadapi di kalangan warga JAN.





Program yang dihadiri melebihi 1,000 orang yang terdiri daripada warga JAN dari pelbagai sektor di Ibu Pejabat/Kementerian/Negeri/Agensi hadir bersama dalam program ini. Pengisian program yang dipenuhi dengan atur cara yang selaras dengan objektif program, telah disusun padat yang diatur dan dimulai dengan Perhimpunan Bulanan Bersama Ketua Audit Negara yang turut diselitkan dengan program senamrobik.



Program-program yang lain adalah seperti taklimat hala tuju oleh semua Timbalan Ketua Audit Negara, ceramah psikologi dan ceramah motivasi oleh pegawai Majlis Sukan Negara. Selain itu, program riadah dan sukan dalaman secara zon turut diselitkan. Program selama 2 hari 3 malam telah dijaya dengan gemilangnya.



Majlis Sukan Jabatan Audit Negara (MASJAN) turut terlibat secara langsung dalam penganjuran program ini. MASJAN telah menyumbang sebanyak RM40,000 dalam penganjuran program ini. Ahli Jawatankuasa (JK) MASJAN juga terlibat secara langsung dalam JK Induk penganjuran program ini.



BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Objektif utama penubuhan MASJAN adalah untuk memajukan aktiviti sukan dan sosial di kalangan warga JAN. Selaras dengan itu, pelbagai aktiviti kebajikan dan sosial telah berjaya dilaksanakan oleh kesemua 15 kelab gabungan. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	KELAB GABUNGAN
1.	04.01.2024	Majlis Bacaan Yasin & Tahlil Buat Bekas Pegawai JAN Pulau Pinang Allahyarham Mohd Hafiz Bin Ahmad	KESKAP
2.	05.01.2024	Majlis Bacaan Yasin & Doa Selamat Serta Sambutan Hari Lahir Pegawai JAN Perak Bulan November dan Disember 2023	KESUKAP
3.	09.01.2024	Perpindahan Pegawai	KREATIF
4.	18.01.2024	Kempen Pengumpulan Sisa Fabrik	KESUKAP
5.	28.01.2024	Menziarahi dan Menyampaikan Sumbangan KESKAT Kepada En. Mohd Firdaus yang Menjalani Pembedahan	KESKAT
6.	02.02.2024	Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin	KAWIP
7.	02.02.2024	Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat	KSAM
8.	04.02.2024	Penyerahan Sumbangan Kepada Keluarga Allahyarham Azuan Shah bin Haron	KAWIP
9.	09.02.2024	Majlis Bacaan Yasin, Tahlil & Tazkirah Buat Bekas Pegawai JAN Pulau Pinang Allahyarhamah Juwairiyah Binti Syed Mohd Basir	KESKAP
10.	16.02.2024	Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Majlis Perpisahan Pegawai yang Bertukar	KSAM
11.	19.02.2024	Sumbangan Kematian	KESKAP
12.	21.02.2024	Majlis Pertukaran Puan Roslina binti Abd Wahab (Pembantu Setiausaha Pejabat)	KESKAT
13.	25.02.2024	Menyampaikan Sumbangan KESKAT Kepada En. Mohd Azrin Yang Dimasukkan Ke Wad HSNZ	KESKAT
14.	05.03.2024	Majlis Program Bacaan Yasin dan Doa Selamat Warga JAN Bersama YBhg. Datuk Ketua Audit Negara Dan Pengurusan Tertinggi JAN	KAWIP
15.	07.03.2024	Program Bacaan Yasin & Penyerahan Sumbangan Buah Kurma Kepada Pegawai dan Kakitangan JAN Selangor Sempena Menyambut Bulan Ramadan 1445H	KREATIF
16.	08.03.2024	Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Akademi Audit Negara (KESKAAN) Kali Ke-11 Tahun 2024	KESKAAN
17.	08.03.2024	Majlis Sambutan Hari Jadi Bagi Ahli-Ahli KESKAAN Untuk Bulan Kelahiran Januari Hingga Mac	KESKAAN
18.	11.03.2024	Perpindahan Pegawai	KREATIF
19.	12.03.2024	Program Edaran Kurma Kepada Warga JAN Pulau Pinang	KESKAP
20.	14.03.2024	Penyampaian Sumbangan Kurma Kepada Warga JANNT Sempena Sambutan Bulan Ramadhan Tahun 1445H	KESKAT
21.	15.03.2024	Majlis Bacaan Yasin & Doa Selamat Bulan Mac 2024	KESUKAP
22.	18.03.2024	Menyampaikan Sumbangan KESKAT Kepada En. Nurul Al Bakri Yang Menjalani Pembedahan	KESKAT
23.	22.03.2024	Program Tazkirah "Kongsi Rezeki" Oleh Lembaga Zakat Selangor dan Program Iftar dan Solat Tarawih Jan Selangor	KREATIF
24.	22.03.2024	Program Taklimat Kesedaran Kanser	KESKAP
25.	24.03.2024	Tazkirah Ramadan	KSAK
26.	28.03.2024	Program Memasak Bubur Lambuk dan Khatam Al Quran AAN Tahun 2024	KESKAAN
27.	31.03.2024	Majlis Berbuka Puasa KSAK Ramadan 1445H	KSAK
28.	31.03.2024	Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih	KESKAT

BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KATEGORI AKTIVITI: KEROHANIAN

KESKAP

04.01.2024

MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BUAT BEKAS PEGAWAI JAN PULAU PINANG ALLAHYARHAM MOHD HAFIZ BIN AHMAD

Diadakan secara bersemuka dan
sumbangan RM285 telah diserahkan
kepada isteri arwah.



KESUKAP

05.01.2024

MAJLIS BACAAN YASIN & DOA S SERTA SAMBUTAN HARI LA PEGAWAI JAN PERAK BUL NOVEMBER DAN DISEMBER

KREATIF

07.03.2024

PROGRAM BACAAN YASIN & PENYERAHAN SUMBANGAN BUAH KURMA KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JAN SELANGOR SEMPENA MENYAMBUUT BULAN RAMADAN 1445H



KSAK

24.03.2024

TAZKIRAH RAMADAN

Tazkirah oleh Ustaz Lutfi Amir
berkenaan perbuatan dan aktiviti
yang dapat memberikan pahala
berlipat ganda dalam bulan
Ramadan yang suci.



KESKAAN

28.03.2024

PROGRAM MEMASAK BUBU LAMBUK DAN KHATAM AL-QURAN AAN TAHUN 2024

BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KATEGORI AKTIVITI: KEROHANIAN

ELAMAT
HIR
AN
2023



KAWIP

02.02.2024

MAJLIS SOLAT HAJAT DAN BACAAN YASIN

Tujuan majlis bagi mendoakan kesejahteraan dan kesembuhan warga JAN serta memohon kelancaran proses LKAN yang akan dibentangkan pada Mac.



KESKAP

09.02.2024

MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL &
TAZKIRAH BUAT BEKAS PEGAWAI JAN
PULAU PINANG ALLAHYARHAMAH
JUWAIRIYAH BINTI SYED MOHD BASIR
Tazkirah bertajuk “Israk Mikraj - Kebesaran Allah”
oleh Ustaz Abdul Malek bin Md Shariff



KSAM

02.02.2024


MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT



KESKAT

31.03.2024

MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SOLAT TERAWIH



BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KATEGORI AKTIVITI: KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KAWIP



Sumbangan Kepada Keluarga
Allahyarham Azuan Shah bin Haron
04.02.2024



Majlis Penyampaian Sumbangan Duit Raya 1445H/2024
04.04.2024



KREATIF



Program Iftar dan Solat Terawih
JAN Selangor

22.03.2024



Pertukaran Encik Khairul Azman
bin Hamdan ke negeri Pahang



Puan Nur El Haidar binti Harun
bercuti belajar ke peringkat
sarjana di UITM Shah Alam

Program Lambaian Kasih

09.01.2024 & 11.03.2024

BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KATEGORI AKTIVITI: KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KESKAAN



Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Akademi Audit Negara Kali ke-11 Tahun 2024
08.03.2024



Pertukaran Encik Mohamad Shahzmir bin Sabidi ke SAK, Ibu Pejabat



Majlis Perpisahan Pegawai Bertukar

08.03.2024

Sambutan Hari Jadi Bulan Januari hingga Mac

08.03.2024

KESUKAP



Kempen Pengumpulan Sisa Fabrik

18.01.2024



Majlis Bacaan Yasin & Doa

15.03.2024



BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KATEGORI AKTIVITI: KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KESKAP



Sumbangan Kematian Ibu
Puan Noraziatulakmash binti
Masron
19.02.2024



Program Taklimat Kesedaran
Kanser

22.03.2024



KESKAP



Program Edaran Kurma Kepada
Warga JAN Pulau Pinang

12.03.2024



Program Buka Puasa Ramadan
1445H

03.04.2024

BERITA KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KATEGORI AKTIVITI: KEBAJIKAN DAN SOSIAL

KESKAT



Encik Mohd Firdaus
28.01.2024



Encik Mohd Azrin
25.02.2024

Menziarahi dan Menyampaikan
Sumbangan KESKAT

28.01.2024, 25.02.2024 & 18.03.2024



Encik Nurul Al-Bakri
18.03.2024



Majlis Pertukaran Puan Roslina
binti Abdul Wahab ke
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia
21.02.2024



Penyampaian Sumbangan
Kurma Kepada Warga JANNT
Sempena Sambutan Bulan
Ramadan Tahun 1445H
14.04.2024

KSAM



Majlis Perpisahan Pegawai
Bertukar
16.02.2024



KSAK



Majlis Berbuka Puasa KSAK
Ramadan 1445H
28.03.2024



BERITA SUKAN DAN REKREASI

Kelab Sukan dan Kebajikan di bawah kelab Gabungan MASJAN telah mengadakan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi bermula dari bulan Januari hingga Mac 2024. Selain daripada aktiviti utama yang telah berjaya dilaksanakan iaitu Program Pengukuhan Organisasi Tahun 2024, terdapat aktiviti sukan dan rekreasi lain yang dilaksanakan secara berkala dan mengikut program yang dirancang oleh setiap kelab gabungan.

Jadual dan gambar kompilasi berikut memaparkan aktiviti lain berbentuk sukan dan rekreasi seperti Pertandingan Sukan Dalaman (indoor & outdoor games) seperti dart, karom dan bola tampar. Selain itu, aktiviti turut diadakan secara kolaborasi / gabungan Agensi lain seperti JAIM dan SSM.

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	KELAB GABUNGAN
1.	05.01.2024	Program Jom Fit Bersama Ketua Audit Negara	KAWIP & SEKTOR PENGURUSAN JAN
2.	11.01.2024	Perlawanan Persahabatan 'Futsal Suka Suki' Bersama Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH)	KSAM
3.	12.01.2024	Pertandingan Sukan Dalaman JANNS	KREATIF
4.	24.01.2024	Senamrobik Bulanan	KESUKAP
5.	25.01.2024	Program Sukan Bola Sepak Semi Veteran Jemputan Shah Alam 2024 Anjuran Kewangan MBSA	KREATIF
6.	02.02.2024	Perlawanan Persahabatan Badminton JAN Perak Vs Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	KESUKAP
7.	02.02. 2024	Kejohanan Bola Sepak 4 Penjuru (Finance Cup)	KESKAS
8.	02 - 03.02. 2024	Pemilihan Pemain Sukan Audit 2024 Zon Timur	KESKAT
9.	07.02.2024	Perlawanan Persahabatan Badminton Al-Ukhawah Al-Islamiyyah Bersama Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM)	KSAM
10.	22 – 25.02.2024	Program Pengukuhan Organisasi - JAN 2024	Semua Kelab Gabungan mewakili Zon

BERITA SUKAN DAN REKREASI

KREATIF



PERTANDINGAN SUKAN DALAMAN JANNS (12.01.2024)

Acara *indoor dan outdoor games* telah disertai oleh ahli kelab KREATIF. Antara aktiviti yang dipertandingkan adalah dart, karom, batu seremban, bola tampar dan bowling.

Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah oleh Pengarah Audit Negeri Selangor dan aktiviti briskwalk sebagai acara penutup sukan dalaman JANNS.



PROGRAM SUKAN BOLA SEPAK SEMI VETERAN JEMPUTAN SHAH ALAM 2024 ANJURAN KEWANGAN MBSA (25.01.2024)

Sempena demam Piala Asia 2024, Jabatan Kewangan MBSA menganjurkan perlawanan bola sepak persahabatan yang melibatkan agensi Kerajaan dan syarikat yang berkaitan dengan majlis (semi veteran). Pasukan yang terlibat ialah kewangan MBSA, SEMSB FC, JANSEL dan Bank Muamalat

KAWIP



PROGRAM JOM FIT BERSAMA KETUA AUDIT NEGARA ANJURAN KAWIP & SEKTOR PENGURUSAN JAN (05.01.2024)

Program ini bertempat di Lobi Utama Blok F2, JAN. Seramai 150 orang pegawai JAN termasuk ahli keluarga telah menghadiri program tersebut di mana peserta berjalan kaki mengelilingi Kompleks F.

Objektif Program: Menggalakkan warga JAN terus mengamalkan gaya hidup sihat selaras dengan Teras 1 Kempen Agenda Nasional Malaysia Sihat.

Acara Cabutan bertuah juga turut diselitkan dan disampaikan oleh YBhg. Datuk Ketua Audit Negara.

BERITA SUKAN DAN REKREASI

KESKAS



KEJOHANAN BOLA SEPAK 4 PENJURU (FINANCE CUP) (02.02.2024)

Penganjuran Kejuhanan Bola Sepak 4 penjuru ini julung kali diadakan bersama-sama KESKAS, Jabatan Akauntan Negara Negeri Sabah, Bendahari Negeri Sabah dan Perbadanan Pinjaman Sabah.

Objektif : Mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan jabatan yang terlibat. Seramai 80 orang ahli pasukan terlibat iaitu 20 orang ahli bagi setiap pasukan.

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Pengarah Audit Negara Negeri Sabah di Stadium Likas pada 2 Februari 2024. Perlawanan akhir dimenangi oleh pasukan JAN Sabah menewaskan Perbadanan Pinjaman Sabah dengan jaringan 3 - 1.

KESKAT



PEMILIHAN PEMAIN SUKAN AUDIT 2024 ZON TIMUR (02 - 03.02.2024)

Biro Sukan & Rekreasi KESKAT telah mengadakan pemilihan pemain bagi Sukan Audit 2024 Zon Timur di Akademi Bomba Wakaf Tapai, Terengganu dan turut disertai oleh pemain dari JAN Negeri Pahang dan juga JAN Negeri Kelantan.

Sukan yang terlibat antaranya adalah bowling, dart, ping pong dan futsal. Pemain yang terpilih akan mewakili Zon Timur bagi Sukan Audit 2024 yang diadakan di Stadium Bukit Jalil pada 25 Januari 2024.

BERITA SUKAN DAN REKREASI

KSAM



PERLAWANAN PERSAHABATAN 'FUTSAL SUKA SUKI' BERSAMA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) (11.01.2024)

KSAM telah menganjurkan perlawanan persahabatan futsal bersama JPPH di Kompleks Sukan Batu Berendam, Melaka.

Sukan tersebut turut disertai oleh ahli keluarga pegawai-pegawai JAN Melaka.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON AL-UKHAWAH AL-ISLAMIYYAH BERSAMA JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA (JAIM) (07.02. 2024)

Penganjuran perlawanan persahabatan badminton bersama JAIM di Dewan Badminton Majlis Sukan Negara, Ayer Keroh, Melaka

KESUKAP



SENAMROBIK BULANAN BERSAMA COACH NANA DBI (24.01. 2024)

Program senamrobik bulanan anjuran KESUKAP ini melibatkan warga Jabatan Audit Negara Negeri Perak.

Objektif: Meningkatkan kecergasan fizikal warga JAN Negeri Perak. Program ini juga dapat mengimbangi keperluan rohani dan jasmani serta mental.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON JAN PERAK Vs SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) (02.02.2024)

Perlawanan persahabatan badminton ini dianjurkan Kelab Sukan dan Rekreasi melibatkan warga JAN Negeri Perak dan warga SSM. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara JAN Negeri Perak dan SSM.

SUDUT IKLAN

Selain menjalankan pelbagai aktiviti sukan dan kebajikan, terdapat Kelab Sukan dan Kebajikan di bawah Kelab Gabungan MASJAN yang mengadakan jualan pelbagai produk pada tahun 2024.



Jualan LANYARD
oleh Kelab Sukan dan
Kebajikan Audit Negeri
Sembilan (KESANS)



Jualan TOTE BAG
oleh Kelab Sukan
dan Kebajikan Audit
Negeri Sembilan
(KESANS)

SEKALUNG PENGHARGAAN

Terima kasih kepada semua Ahli
Jawatankuasa Eksekutif
MASJAN dan Sidang Redaksi
bagi sesi 2022/2023 atas
sumbangan dan khidmat bakti
yang telah salurkan.



PELANTIKAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF MASJAN 2024/2025

Tahniah atas pelantikan Jawatankuasa Eksekutif MASJAN 2024/2025

JAWATAN	JAWATANKUASA EKSEKUTIF MASJAN
Yang Dipetua	YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi
Naib Yang Dipertua I	YBrs. Puan Hajah Patimah binti Ramuji
Naib Yang Dipertua II	YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad
Naib Yang Dipertua III	YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar
Setiausaha Kehormat	Puan Hely Herlynna binti Kassim
Penolong Setiausaha Kehormat	Puan Shafinas binti Sazali
Bendahari Kehormat	Encik Abul Hisham bin Anuar
Penolong Bendahari Kehormat	Puan Suria Nauli Hasibuan binti Shamsudin
Juruaudit I	Puan Jannaatu 'Adnin binti Maslan
Juruaudit II	Encik M. Zakaria bin Ibrahim
Jawatankuasa Pelaburan	Encik Shamsul bin Shamdin Encik Abd Aziz bin Che Daud Encik Faez bin Mohd Fauzi
Jawatankuasa Eksekutif Zon 1	YBrs. Dr. Alifah Aida binti Lope Abd Rahman
Jawatankuasa Eksekutif Zon 2	YBrs. Dr Suraya binti Adnan
Jawatankuasa Eksekutif Zon 3	Puan Ruzita binti Ab Rahman
Jawatankuasa Eksekutif Zon 4	Encik Allias bin Alwi
Jawatankuasa Eksekutif Zon 5	Encik Rabianto bin Sokam
Jawatankuasa Eksekutif Zon 6	Encik Anuwar bin Asmuni
Jawatankuasa Eksekutif Zon 7	Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju
Jawatankuasa Eksekutif Zon 8	Encik Shahrul Nizam bin Sabaree
Jawatankuasa Eksekutif Zon 9	Encik Halimuddin bin Chongge
Jawatankuasa Eksekutif Zon 10	Puan Ruhana binti Mohamad Zam